



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: SINAR HARIAN		
TARIKH	: 7/12/2019	MUKA SURAT	: 34
JABATAN	: JPS		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Pergi solat Jumaat naik bot

Kawasan sekitar Masjid Mukim Kubang Sawa dinaiki air

ROSMIZA KASIM

TUMPAK

Biarpun kawasan perkampungan dinaiki air tetapi seramai 200 penduduk sekitar tetap menunaikan solat Jumaat dengan menaiki bot semalam.

Penduduk yang terlibat ialah dari Kampung Kubang Sawa, Kampung Kuala Jambu dan Kampung Naga Ibu menunaikan solat di Masjid Mukim Kubang Sawa.

Mereka menyeberangi sungai dengan menggunakan bot per-



Walaupun kawasan kampung dinaiki air, penduduk tetap menunaikan tanggungjawab menunaikan solat Jumaat dengan menaiki bot semalam.

sendirian dan juga ada yang menumpang sesama sendiri.

Penduduk terpaksa menaiki bot kerana kawasan sekitar masjid ditenggelami air kira-kira 1.5 meter yang turut memampatkan masjid tersebut seperti masjid terapung.

Imam Tua, Mohd Saiddi Yu-

nus berkata, jumlah berkenaan lebih kurang sama dengan bilangan jemaah pada hari biasa.

“Alhamdulillah, meskipun kawasan terkena banjir tetapi penduduk di sini tetap datang menunaikan solat Jumaat dengan perahu,” katanya ketika ditemui di Masjid Mukim Kubang Sawa

di sini semalam.

Mohd Saiddi berkata, sejak tahun 2011, masjid tersebut menjadi tempat penduduk yang tidak mahu berpindah ke pusat pemindahan sementara untuk berunding.

“Kawasan masjid di sini tinggi. Kita faham masalah penduduk

INFO BANJIR

KELANTAN

Jumlah mangsa : 5,106 orang

Jumlah keluarga: 1,948

keluarga

Jumlah PPS: 15 lokasi

*Setakat jam 6 petang semalam

cuma kita menasihatkan mereka menjaga kebersihan dan mengawal anak-anak,” katanya.

Sebanyak 30 mangsa banjir dari kampung sekitar berpindah ke masjid tersebut sejak Isnin lalu dan masing-masing turut menghayati bacaan khutbah yang menyentuh mengenai balasan mengenai-ringan solat.

Sementara itu, seorang penduduk dari Kampung Naga Ibu, Mat Isa Mohd, 46, berkata, dia menggunakan bot untuk ke masjid dan itu tidak menjadi masalah kepadanya.